

Tidak tahan berdepan banjir

Penduduk minta selenggara sungai elak masalah berulang

KUANG - Penduduk Kg Sungai Buaya, di sini, mendakwa tiada penyelenggaraan sungai menyebabkan rumah mereka kerap dinaiki air terutama jika hujan lebat.

Penduduk, S Viran, 53, berkata, kederaan air dan aliran sungai yang tidak lurus juga mendorong masalah banjir terus berulang.

Menurutnya, masalah itu menyebabkan kerosakan harta benda hingga membebankan penduduk.

"Banyak kali rumah saya dinaiki air sepanjang 14 tahun tinggal di sini, namun masalah sama terus berulang kerana tiada penyelenggaraan sungai.

"Sehubungan itu, kita cadangkan aliran sungai dapat diluruskan untuk melancarkan lagi pengaliran air," katanya, semalam.

Seorang lagi penduduk, R Parasuraman, 60, berkata, sebanyak 60 keluarga di sini terpaksa berdepan masalah banjir sekurang-kurangnya

sebulan sekali.

"Sekiranya sungai didalamkan, mendapan dikorek dan beberapa tebing konkrit dibina, pasti dapat menghalang air naik ke kawasan perumahan.

"Hakisan tanah turut berlaku dan semakin menghampiri kawasan perumahan sekali gus meningkatkan lagi risiko rumah dinaiki air," katanya.

Sementara itu, G Mariayae, 41, pula berkata, setiap kali hujan lebat, dia tidak akan keluar berniaga kerana bimbang rumahnya dinaiki air.

"Apabila hujan melebihi satu jam, air pasti akan cepat naik. Saya bimbang kerana semua anak masih kecil.

"Pada kejadian bulan lepas, kami gagal menyelamatkan harta benda menyebabkan beberapa barangan dalam rumah mengalami kerosakan," katanya.



Aliran sungai tidak lurus menyebabkan air mudah naik ke kawasan perumahan apabila berlaku hujan lebat.